



**KENYATAAN MEDIA**  
**YAB PERDANA MENTERI**

---

**MAJLIS PERANCANG FIZIKAL NEGARA (MPFN) KE-39**

---

1. Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-39 yang bersidang pada 21 Oktober 2021 telah bersetuju untuk meluluskan dua dasar utama berkaitan perancangan bandar dan desa iaitu **Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN Ke-4)** dan **Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara-2 (RFZPPN-2)** yang disediakan di bawah peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]. MPFN Ke-39 turut bersetuju terhadap **Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Perancang Wilayah bagi Negeri-Negeri di Utara Semenanjung Malaysia (Negeri Pulau Pinang, Negeri Kedah, Negeri Perak dan Negeri Perlis)**. MPFN Ke-39 juga mengambil maklum mengenai **Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040** yang disediakan di bawah peruntukan Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [Akta 267].
  
2. MPFN ditubuhkan sebagai usaha untuk **penyelaras dan keseimbangan kuasa di antara kerajaan pusat dengan kerajaan-kerajaan negeri dalam hal ehwal perancangan bandar dan desa**. MPFN dianggotai oleh semua Menteri Besar dan Ketua Menteri (bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia) serta Menteri-Menteri yang mempunyai tanggungjawab berkaitan perancangan bandar dan desa. Fungsi utama MPFN adalah untuk mengalakkan di dalam negara, **perancangan bandar dan desa sebagai suatu alat yang berkesan dan efisien ke arah pencapaian suatu pemajuan yang mampan (sustainable development)**. Sehubungan itu, MPFN berperanan untuk **menasihati Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri**, mengenai perkara yang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa dan merupakan platform yang penting untuk **mencapai keputusan kolektif bagi penyelaras pembangunan** antara negeri-negeri dan negara keseluruhannya.

EN SAM -  
 \* FAIL Y JU  
 20/10/21

### 3. Rancangan Fizikal Negara Ke-4(RFN Ke-4)

- i. Rancangan Fizikal Negara (RFN) merupakan dokumen peringkat tertinggi di dalam sistem perancangan guna tanah negara. Selaras dengan keperluan peruntukan di bawah subseksyen 6B(4) Akta 172, RFN hendaklah dikaji semula setiap lima tahun selaras dengan penyediaan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) atau jika dan apabila diarah oleh MPFN.
- ii. RFN4 dengan matlamat '**Malaysia Makmur, Berdaya Tahan dan Sejahtera**' dirangka sebagai satu pelan pembangunan yang menyeluruh dengan memberi tumpuan kepada aspek perancangan keselamatan negara termasuk pengurusan kawasan perairan negara dalam lingkungan tiga batu nautika ke laut, peningkatan infrastruktur digital, pembangunan bercirikan pintar, negara ke arah neutral karbon, jaminan sekuriti makanan negara, serta memberi penekanan kepada pembentukan komuniti yang inklusif dan berdaya huni.
- iii. RFN4 ini disediakan untuk **menentukan arah tuju pemajuan fizikal termasuk ekonomi, alam sekitar dan sosial bagi seluruh kawasan perancangan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan**. Pelaksanaan RFN4 memerlukan penglibatan daripada pelbagai pihak di setiap peringkat perancangan dan pembangunan, sama ada di peringkat kerajaan persekutuan, negeri atau tempatan. Ini termasuk pihak-pihak berkuasa perancangan di bawah Akta 172 yang mempunyai fungsi dan tanggungjawab tertentu bagi memastikan RFN4 ini diterjemah dan dilaksanakan secara berkesan. RFN4 ini telah menggariskan **tiga teras pembangunan, 11 hala tuju strategik, 39 strategi dan 120 tindakan** yang meliputi segenap bidang perancangan fizikal, ekonomi, alam sekitar dan sosial.

### 4. Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara-2 (RFZPPN-2)

- i. Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai (RFZPPN) yang pertama telah disediakan pada tahun 2012 sebagai tindakan terhadap Dasar RFN 20 di bawah RFN pertama pada tahun 2005 yang menggariskan '**Ekosistem persisiran pantai sensitif perlu dilindungi dan digunakan secara mampan**'. Sebagai subset kepada RFN Ke-4 iaitu RFN yang terkini, RFZPPN-2 harus dibaca bersama untuk strategi yang melibatkan zon persisiran pantai.

- ii. RFZPPN-2 adalah satu **rancangan strategik guna tanah yang menggariskan hala tuju penggunaan, pemuliharaan dan pengurusan sumberjaya persisiran pantai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan**. RFZPPN-2 telah digubal dengan mengambil kira aspek-aspek ancaman geobencana seperti hakisan pantai dan faktor perubahan iklim yang akan memberi kesan kepada penduduk, harta benda dan kawasan penempatan serta mengenalpasti kawasankawasan yang mempunyai biodiversiti yang tinggi seperti hutan paya laut dan kawasan terumbu karang yang menjadi tempat pembiakan dan perlindungan spesies hidupan laut.
  - iii. Dalam pada masa yang sama, RFZPPN-2 turut merujuk dokumen-dokumen yang telah dihasilkan oleh agensi teknikal seperti JPS, NAHRIM, NADMA dan lain-lain kajian berkaitan seperti **Integrated Shoreline Management Plan (ISMP)**. Sehubungan dengan itu, strategi-strategi dan langkah-langkah yang digariskan oleh RFZPPN-2 hendaklah diterjemahkan dalam Rancangan Pemajuan di peringkat negeri dan tempatan.
  - iv. RFZPPN-2 juga telah mencadangkan satu **Indeks Kerapuhan Persisiran Pantai atau Coastal Vulnerability Index (CVI)**. Penghasilan CVI melalui tiga komponen iaitu fizikal, biodiversiti dan sosioekonomi ini amat penting kerana berupaya mengenal pasti kawasan-kawasan yang berisiko dan rapuh untuk sesuatu pembangunan serta bertindak sebagai 'alert system' terhadap risiko yang wujud.
- 5. **Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Perancang Wilayah bagi Negeri-Negeri di Utara Semenanjung Malaysia (Negeri Pulau Pinang, Negeri Kedah, Negeri Perak dan Negeri Perlis)**
  - i. Ini adalah Jawatankuasa Perancang Wilayah (JPW) keempat yang dipersetujui cadangan penubuhannya oleh MPFN, selepas JPW bagi Kawasan Persempadan Antara Negeri Sembilan, Melaka dan Johor (JPW NSMJ), JPW bagi Kawasan Tanah Tinggi Cameron Highlands, Kinta dan Lojing (JPW CEKAL) dan JPW bagi Kawasan Persempadan Antara Daerah Pekan-Kuantan-Kemaman-Dungun-Jerantut (JPW PAKADJ).
  - ii. Fungsi utama JPW adalah untuk **menyelaraskan isu-isu perancangan yang merentasi sempadan dua negeri atau lebih serta menasihati kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam wilayah itu mengenai rancangan pemajuan yang sesuai bagi wilayah tersebut**.

## **6. Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040)**

- i. Draf PSL2040 merupakan dokumen pelan pembangunan yang disediakan bagi menggantikan **Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020**. Penggantian PSL2020 ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 10(1), Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan, 1982 [Akta 267]. Draf PSL2040 telah melalui proses pandangan awam dan dinilai oleh Jawatankuasa Pendengaran Pandangan Awam (JKPPA). Draf ini kini diperingkat akhir pertimbangan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).
- ii. Visi Kuala Lumpur 2040 adalah '**Bandar Untuk Semua**'. Ianya selari dengan prinsip perancangan global iaitu berdasarkan **Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan Agenda Perbandaran Baharu (NUA)**. Visi ini juga meletakkan komuniti sebagai fokus arah tuju perancangan Kuala Lumpur.
- iii. Draf PSL2040 menetapkan hala tuju perancangan Kuala Lumpur melalui pembentukan **6 matlamat, 21 hala tuju strategik dan 72 tindakan**. Semua hala tuju strategik dan tindakan di dalam Draf PSL2040 diterjemah melalui Pelan Pengurusan Bandar dan Pelan Pengurusan Spatial.

**#KeluargaMalaysia  
#BekerjaBersamaRakyat**

**DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB**

**21 OKTOBER 2021**